

## Makmal UMS buat ujian pengesanan Covid-19 pertengahan April

06 03.04.2020 P.3  
KOTA KINABALU: Makmal Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan mula menjalankan ujian pengesanan Covid-19 pertengahan bulan ini, kata Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Taufiq Yap Yun Hin.

"Kami bersedia. Kami sudah ada kakitangan terlatih dan UMS juga mempunyai kemudahan makmal serta peralatan

sedia ada. Ia tidak akan menambah kos kepada universiti," katanya kepada pemberita di sini, Khamis.

Pada Isnin, Pengarah Institut Penyelidikan Bioteknologi (IPB) UMS, Dr Zarina Amin berkata sepasukan penyelidik IPB telah mengadakan latihan dalaman bagi tujuan tersebut. - Bernama